

PM ingatkan ahli2 Umno jangan ikut nafsu

BH - 5 MAY 1984

SEREMBAN, Jumaat — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengingatkan ahli-ahli Umno jangan mengikut nafsu dan terlalu ghairah dengan pertandingan dalam parti sehingga membawa corak berkempen melampaui batas, termasuk menggunakan wang.

Kini kata Presiden Umno itu, sudah wujud unsur-unsur tidak sihat dalam pertandingan merebut jawatan dalam parti dan jika tidak awasi mungkin akan melemahkan Umno.

Katanya, kalau dahulu pertandingan berjalan dengan senyap-senyap, tetapi kini kempen berjalan di seluruh negara dengan jamuan makan kepada semua orang yang ingin bertanding.

Kesan buruk

"Dengan adanya cara berkempen yang tidak sihat ini, penggunaan wang dan sebagainya dan kerap kali kata-kata kesat dikeluarkan, telah merenggangkan pemimpin Umno.

Sungguhpun ia tidak bertentangan dengan amalan demokrasi tetapi ia mempunyai kesan buruk. Kita tahu kadang-kadang, sesaat selepas pemilihan dibuat, bukan sahaja pihak yang kalah tidak menerima keputusan dengan hati lapang dan memberi sokongan mereka kepada yang menang, tetapi mengutar rancangan untuk pemilihan akan datang.

"Tiga tahun tidak ada kerja lain, melainkan menentukan bahawa dalam pemilihan akan datang, sipolan dan sipolan akan mendapat kemenangan," tegas beliau ketika merasmikan Wisma Umno Negeri Sembilan di sini.

Hadir sama ialah Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, Menteri Kemajuan Tanah dan Wilayah, Datuk Rais Yatim dan Menteri Besar Datuk Mohd Isa Haji Abdul Samad.

"Dalam suasana seperti ini, tumpuan tidak diberikan kepada kerja yang sepatut dijalankan. Sebaliknya tumpuan diberi kepada usaha mendapat imej yang boleh menarik sokongan, undi dan sebagainya.

"Saya fikir ini adalah melampaui batas, walaupun kita harus mengadakan pertandingan dan pertandingan diizinkan oleh perlembagaan kita. Janganlah terlalu ghairah dengan pertandingan hingga kita melupakan tugas," tambahnya.

Datuk Seri Dr Mahathir menegaskan, pertandingan adalah satu cara menentukan, kepemimpinan semata-mata, bukan satu cara untuk mendapat sesuatu bagi orang yang bertanding.

"Kita hendak pada pemimpin dan rpu, ng kepada ahli biasa membuat keputusan mereka berasaskan khidmat yang diberikan sepanjang memegang tugas.

"Saya yakin, kalau khidmat yang diberikan baik, maka kita akan dapat kemenangan, tetapi kalau kita tidak baik, kita bergantung kepada cara kempen ti-

dak elok, ini akan membawa keburukan kepada parti.

Oleh itu, beliau menasihati semua pihak dalam Umno yang ingin bertanding jangan terlalu ghairah dengan pertandingan sehingga melampaui batas dalam cara-cara berkempen.

"Bagi ahli-ahli Umno pula, janganlah membuat sebarang ugutan seperti kalau awak tidak datang pada saya, tidak akan mendapat undi.

"Jadi calon-calon dalam ketakutan dan membuat jaminan, janji dan layanan yang sepatutnya tidak dibuat. Kalau sudah dalam parti berkempen secara itu, apakah akan jadi kepada negara kalau semua mengamalkan cara-cara yang tidak baik?"

"Kita dapat lihat contoh-contoh pertandingan untuk merebut jawatan terlalu hebat dalam parti-parti politik dan kita tahu akan kesannya.

"Hari ini kita belum sampai ke peringkat itu, tetapi tidak jauh ke belakang. Kalau dahulu mesyuarat agung Umno peringkat cawangan berjalan dengan tertib, sekarang ini telah mula belajar baling kerusi.

"Hari ini setakat baling kerusi, esok mungkin lain-lain lagi, kerana contohnya sudah ada," tegas beliau.

Oleh itu, Datuk Seri Dr Mahathir meminta ahli-ahli Umno menyranangkan sedikit kempen-kempen, menjelang pemilihan 25 Mei ini.

"Saya tidak tahu sama ada saya berhak membuat nasihat seperti ini, kerana mungkin ada mereka yang berkata, saya berkata demikian kerana tidak akan bertanding. Tetapi anggaplah nasihat ini sebagai nasihat yang baik," katanya.

Di samping itu, katanya, ramai ahli-ahli Umno berjaya dalam pelbagai lapangan.

"Mereka berjaya mungkin kerana usaha mereka sendiri, mempunyai kecekapan tertentu dan menjadi kaya raya.

Sokong Umno

Bagaimanapun, beliau mengingatkan mereka supaya jangan menggunakan wang yang didapati itu untuk mendapat tempat dalam bidang politik.

"Jika ada parti yang berkehendakkan bantuan, haruslah kita memberi bantuan, kerana kejayaan kita sedikit sebanyak ialah kerana Umno memberi peluang kepada kita.

"Oleh itu, sokonglah Umno, tetapi jangan sokong orang-orang tertentu kerana kita ingin orang-orang itu mendapatkan tempat di mana ia boleh memberi pertolongan kepada kita," ujarnya.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, mereka harus jujur dan membantu parti kerana parti, bukan kerana individu atau orang-orang tertentu.

"Kita harus patuh kepada peraturan dan perlembagaan kita dan jangan membenarkan diri kita dipengaruhi oleh nafsu, dipengaruhi oleh keinginan kita untuk mendapat tempat untuk diri kita," tambahnya.